

Profil Jawatan Kosong

Agensi	: Majlis Islam Sarawak
Nombor Rujukan	: MATTARY/01B/2026
Tarikh Iklan Dibuka	: 11 Jun 2026
Tarikh Iklan Ditutup	: 24 Jun 2026
Jawatan	: Eksekutif C (Guru Hafazan)
Taraf Jawatan	: Tetap
Kekosongan	: 2
Stetsen Bertugas	: Ma'had Tahfiz Tun Abdul Rahman Yakub (MATTARY), Kuching
Jadual Gaji	: Gaji Minimum:RM2,960.10

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calun bagi lantikan hendaklah **anak kelahiran Sarawak** atau **warganegara Malaysia yang berdomisil di Sarawak** atau yang **bermastautin secara tetap di Sarawak** yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat pelantikan, berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Al-Quran dan Qiraat yang diiktiraf oleh Kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji Pokok Permulaan: RM2,960.10) **ATAU**
- (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam/Pendidikan Islam/Pengajian Bahasa Arab yang diiktiraf oleh Kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **SERTA** memiliki Diploma Tahfiz Al-Quran/Sijil Hafaz 30 Juzuk Al-Quran dari Institusi Tahfiz yang diiktiraf oleh Majlis Islam Sarawak; (Gaji Pokok Permulaan: RM2,960.10).
- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan adalah satu kelebihan.
- (d) Mempunyai pengalaman mengajar Al-Quran sekurang-kurangnya enam (6) bulan adalah satu kelebihan.
- (e) Mempunyai sahsiah yang baik, sihat tubuh badan dan memiliki kesejahteraan fizikal.

Cara Memohon:

Calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan **Borang Permohonan Jawatan Kosong (boleh dimuat turun dari laman sesawang MIS)** beserta **Resume** (mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja), **sesalinan sijil yang telah disahkan** dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) **sebelum atau pada 24 Jun 2026 (Rabu)** kepada:

**SETIAUSAHA
MAJLIS ISLAM SARAWAK
ARAS 16, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P.RAMLEE, OFF JALAN P.RAMLEE
93400 KUCHING, SARAWAK
(U.P.: UNIT SUMBER MANUSIA, MIS)**

Catatan Am:

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calun yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.**